

Pakar perkapalan

BM 29 DEC 1991

wajar ditambah

Daripada Haji Nashrudin Abd Rahman

ULSAN (Korea Selatan): Syarikat perkapalan tempatan disaran bergabung atau menubuhkan konsortium dengan syarikat asing dan dalam negara bagi menambah bilangan rakyat Malaysia yang menyertai bidang perkapalan antarabangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah itu perlu untuk diseimbangkan dengan pembangunan perindustrian negara bagi menyediakan sistem pengangkutan pada kadar tambang yang rendah supaya barangan eksport Malaysia terus kompetitif di pasaran dunia.

Disebabkan kekurangan itu, katanya, Malaysia masih bergantung pada syarikat asing untuk membawa eksport, barang pembuatan negara yang juga meningkatkan defisit bayaran pengangkutan perkapalan dan insurans negara.

Katanya, syarikat perkapalan tempatan tidak harus puas hati mengendalikan operasi dalam negeri saja yang sentiasa dilindungi dasar kerajaan.

Menurutnya, mereka mesti menganggap ia satu pendidikan dan pengalaman yang berharga bagi mendorong mereka menyertai arena perkapalan antarabangsa yang lebih mencabar.

"Tidak adasebab mengapa rakyat Malaysia tidak boleh berjaya dalam bidang perkapalan. Kita mempunyai tradisi dalam

bidang pelayaran dan kemudahan latihan kita mampu menghasilkan pelayar yang rekap bagimeenuhi mutu Pertubuhan Maritim Antarabangsa.

"Kemudahahn itu juga boleh diperluaskan bagi memenuhi keperluan yang semakin meningkat bukan saja di Malaysia tetapi di rantau ini," katanya di majlis penyerahan dan menamakan kapal baru kontena Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MIX), *Bunga Pelangi*, di sini semalam.

Majlis menamakan kapal itu dilakukan oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Kapal 4,410 TEL seberat 59,697 tan metrik itu adalah kapal kontena terbesar yang dimiliki MISC.

"Kita juga mempunyai limbungan yang boleh membina dan membaiki kapal. Memang benar limbungan kapal kita tidak mempunyai kemampuan dan kepakaran untuk membina kapal yang besar dan canggih.

"Banyak limbungan kita menghadkan kegiatan mereka kepada pembinaan kapal kecil dengan rekabentuk yang mudah. Bagaimanapun, saya percayakita boleh mendapatkan kemampuan dan kepakaran dalam bidang pembinaan kapal," katanya.

Dalam hubungan itu, Perdana Menteri menyifatkan pengambilalihan Limbungan Kejuruteraan dan Perkapalan Malaysia

(MSE) oleh konsortium yang diketuai MISC sebagai satu perkembangan yang amat penting.

Sementara itu, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) menempah empat kapal pengangkut pukal kering jenis Panamax daripada Hyundai Heavy Industries (HHI).

Perjanjian pembelian kapal itu yang setiap satu seberat 73,000 DWT berlangsung di sini malam kelmarin, disaksikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

MISC diwakili pengerusinya, Raja Mohammad Alias Mohd Ali, manakala Perbadanan Hyundai diwakili pengerusinya, En-cik C I. Lee.

Ini adalah kali kedua MISC menempah kapal pengangkut daripada HHI selepas kapal *Bunga Pelangi* dan diserahkan kepada MISC di sini, kelmarin.

Pembabitan MISC dalam pengangkutan pukal kering bermula 20 tahun lalu selepas pembelian kapal *Bunga Tembusu*.

MISC kini mempunyai lapan kapal pengangkut pukal kering dengan jumlah berat keseluruhannya 324,540 DWT.

Pembinaan empat lagi kapal jenis Panamax itu adalah sebahagian rancangan perkembangan dan modenisasi MISC bagi pengangkutan pukal kering.

Apabila digunakan kelak, MISC akan mempunyai 12 kapal pukal kering.